

NO. SOALAN : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE  
BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan dan hala tuju projek pembangunan bersepadu yang dibangunkan oleh FELDA dan Encorp di Bukit Katil serta manfaat yang akan dinikmati oleh penduduk di kawasan setempat.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) antara FELDA dan Encorp Bhd telah ditandatangani pada 24 Jun 2015. Dalam perjanjian tersebut, FELDA melantik Encorp Bhd sebagai pemaju utama bagi membangunkan tanah FELDA di Bukit Katil. Pembangunan di Bukit Katil adalah mengikut fasa yang terbahagi kepada tiga (3) komponen utama iaitu pembangunan rumah kediaman, pembangunan pusat komersial dan pembangunan pusat institusi serta kegunaan awam.

Cadangan pembangunan ini telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang pada 23 Mac 2017 dan seterusnya akan dibentangkan ke Jawatankuasa Belah Bahagi, Pejabat Ketua Menteri Melaka bertujuan untuk mendapatkan kelulusan pelan induk dan pecah sempadan sebelum pengesahan pelan susunatur Kebenaran Merancang oleh pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

FELDA percaya dengan adanya projek pembangunan bersepadu ini dapat membantu meningkatkan tahap sosio ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Kemudahan masyarakat yang lengkap di tapak pembangunan projek ini juga boleh digunasama dan dimanfaatkan oleh penduduk sekitar kawasan berkenaan. Selain itu, projek pembangunan ini dapat menyumbang kepada pertambahan jumlah rumah mampu milik dan rumah rakyat untuk generasi muda.

Sekian. Terima kasih.